

PANDUAN

Buku Statistik Pendidikan Tinggi telah diterbitkan dengan tujuan untuk memantapkan khazanah keilmuan berkaitan pengajian tinggi melalui penyediaan maklumat-maklumat penting yang berkaitan dengan Institut Pendidikan Tinggi (IPT). Melalui penerbitan buku ini, adalah diharapkan ia dijadikan panduan dan rujukan kepada pihak yang berkepentingan dalam mengurus hala tuju pembangunan IPT.

Buku ini mengandungi tujuh (7) bab yang memberi tumpuan kepada tiga (3) elemen utama iaitu **maklumat pelajar, staf akademik dan status pekerjaan graduan baharu** meliputi Universiti Awam (UA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti.

BAB 1

Memberi fokus kepada maklumat makro pelajar dan staf IPTA dan IPTS dan bilangan mobiliti pelajar antarabangsa.

BAB 2

Memberi fokus kepada pelajar dan staf akademik di UA. Secara keseluruhan maklumat yang disediakan terbahagi kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

- a. Status pelajar berdasarkan kemasukan, enrolmen dan keluaran mengikut jantina, peringkat pengajian, bidang pengajian dan negeri kelahiran;
- b. Enrolmen pelajar OKU mengikut kategori kecacatan; dan
- c. Staf akademik mengikut kelulusan tertinggi dan jawatan.

BAB 3

Memberi fokus kepada pelajar dan staf akademik di IPTS mengikut negeri institusi & jantina seperti berikut;

- a. Kemasukan, enrolmen dan keluaran pelajar IPTS berdasarkan peringkat dan bidang pengajian; dan
- b. Staf akademik IPTS berdasarkan tahap kelulusan tertinggi.

BAB 4

Memberi fokus kepada pelajar dan staf akademik di Politeknik mengikut negeri institusi & jantina seperti berikut:

- a. Kemasukan, enrolmen dan keluaran pelajar Politeknik berdasarkan peringkat dan bidang pengajian;
- b. Kemasukan, enrolmen dan keluaran pelajar OKU berdasarkan peringkat pengajian; dan
- c. Staf akademik Politeknik berdasarkan tahap kelulusan tertinggi.

BAB 5

Memberi fokus kepada pelajar dan staf akademik di Kolej Komuniti mengikut negeri institusi & jantina seperti berikut:

- a. Kemasukan, enrolmen dan keluaran pelajar Kolej Komuniti berdasarkan peringkat dan bidang pengajian;
- b. Kemasukan, enrolmen dan keluaran pelajar OKU berdasarkan peringkat pengajian; dan
- c. Staf akademik Kolej Komuniti berdasarkan tahap kelulusan tertinggi.

BAB 6

Memberi fokus kepada status pelajar Malaysia di luar negara mengikut destinasi pengajian dan pembiayaan.

BAB 7

Melaporkan hasil Kajian Pengesanan Graduan semasa pelajar berkonvokesyen yang meliputi status pekerjaan mengikut kategori IPT, bidang pengajian, peringkat pengajian dan negeri bermastautin. Laporan turut memberi fokus kepada taraf pekerjaan dan sektor pekerjaan.

Maklumat yang dipaparkan di dalam buku ini adalah benar ketika cetakan. Perbezaan maklumat akan berlaku tertakluk kepada perubahan.

DEFINISI OPERASI

OPERATIONAL DEFINITION

<p>KEMASUKAN INTAKE</p>	<p>Bilangan pelajar baharu yang mendaftar ke sesebuah institusi pengajian tinggi bagi sesuatu sesi pengajian dan seterusnya mengikuti pengajian. <i>Number of new students registered in a higher education institution for a study programme in a particular academic session and subsequently followed through the programme.</i></p>
<p>ENROLMEN ENROLLMENT</p>	<p>Bilangan pelajar yang sedang mengikuti pengajian di sesebuah institusi pengajian tinggi, termasuk pelajar baharu bagi sesuatu sesi pengajian berkenaan. <i>Number of students currently pursuing study programmes in a particular higher education institution, including new students' intake for a particular academic session.</i></p>
<p>KELUARAN OUTPUT</p>	<p>Bilangan graduan yang telah lulus dan menamatkan pengajian dengan sempurna pada akhir sesi pengajiannya. Tahun keluaran pula merujuk kepada tahun pelajar berkenaan tamat pengajian. <i>Number of students who have passed and successfully completed their study at the end of their academic session. Year of graduation refers to the year students completed their study programmes.</i></p>
<p>GRADUAN GRADUATES</p>	<p>Responden iaitu pelajar yang telah lulus dan tamat pengajian yang menyertai Kajian Pengesanan Graduan. <i>The respondents consist of graduated students (passed and completed their study) who participate in Graduate Tracer Study.</i></p>
<p>KADAR BEKERJA GRADUAN GRADUATES EMPLOYMENT RATE</p> <p>*Sumber : Laporan Kajian Pengesanan Graduan, 2024.</p>	<p>Kadar Bekerja Graduan merupakan perkadaran graduan baharu bekerja kepada bilangan graduan baharu dalam tenaga buruh yang mula diperkenalkan pada tahun 2024. Pasaran tenaga buruh meliputi graduan berstatus bekerja dan belum bekerja. Bagi graduan yang berada di luar tenaga buruh, ia merangkumi graduan yang melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran, menunggu penempatan pekerjaan dan lain-lain, dan tidak diambil kira dalam pengiraan tersebut. Kaedah pengiraan Kadar Bekerja Graduan ini telah diselaraskan dengan kadar yang digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan International Labour Organization (ILO) di peringkat antarabangsa. Pengiraan adalah seperti berikut :</p> $\text{Kadar Bekerja Graduan} = \frac{\text{Bilangan graduan baharu yang bekerja}}{\text{Bilangan graduan baharu dalam tenaga buruh}} \times 100$

DEFINISI OPERASI

OPERATIONAL DEFINITION

BIDANG SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM)

*SCIENCE, TECHNOLOGY,
ENGINEERING AND MATHEMATICS
(STEM)*

Bidang STEM adalah berpandukan definisi di dalam Pelan Tindakan Strategik STEM Nasional 2018-2025 iaitu merangkumi bidang kod 4 hingga 8 yang terdapat dalam National Education Code 2010 (NEC 2010) atau kod 05 hingga 10 dalam National Education Code 2020 (NEC-2020) seperti berikut:

- 05 - Sains semula jadi, matematik dan statistik
- 06 - Teknologi maklumat dan komunikasi
- 07 - Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan
- 08 - Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinary
- 09 - Kesihatan dan kebajikan
- 10 - Perkhidmatan

Program di bawah bidang 02 (Sastera dan kemanusiaan), 03 (Sains sosial, kewartawanan dan maklumat) & 04 (Perniagaan, pentadbiran dan perundangan) di Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA juga dikira sebagai program STEM.

STEM fields are based on definition in National STEM Strategic Action Plan 2018-2025 which includes broad fields 4 until 8 set forth in National Education Codes 2010 (NEC 2010) or 05 until 10 set forth in National Education Codes 2020 (NEC-2020) as follows:

- 05 - Natural sciences, mathematics & statistics*
- 06 - Information and communication technologies*
- 07 - Engineering, manufacturing and construction*
- 08 - Agriculture, forestry, fisheries and veterinary*
- 09 - Health and welfare*
- 10 - Services*

Programs under field 02 (Arts and Humanities), 03 (Social Sciences, Journalism and Information), & 04 (Business, Administration and Law) at Polytechnics, Community Colleges, and ILKA are also classified as STEM programs.

PROGRAM TVET MADANI

TVET MADANI PROGRAM

Merupakan program pengajian Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang disenaraikan dalam pangkalan Data Raya TVET di bawah Sekretariat Majlis TVET Negara (MTVET) serta ditawarkan di MTUN, beberapa IPTS, Politeknik, Kolej Komuniti dan ILKA. Semua Program TVET termasuk dalam STEM.

Refers to TVET (Technical and Vocational Education and Training) study programs listed in the TVET Big Data Database under the National TVET Council Secretariat (MTVET). These programs are offered at MTUN, selected Private HEIs, Polytechnics, Community Colleges, and ILKA. All TVET programs are categorized under STEM.

MOBILITI PELAJAR ANTARABANGSA

*INTERNATIONAL STUDENT
MOBILITY*

Pelajar bukan warganegara mengikuti pengajian akademik sekurang-kurangnya satu semester (enrolmen) atau sehingga bergraduat; DAN program mobiliti (*inbound*) di Malaysia secara fizikal dan/ atau virtual.

Non-citizen students pursuing academic studies for at least one semester (enrollment) or until graduation; AND mobility programs (inbound) in Malaysia physically and/or virtually.

DEFINISI OPERASI

OPERATIONAL DEFINITION

PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL - TVET*

TECHNICAL AND VOCATIONAL
EDUCATION AND TRAINING – TVET*

*Sumber / Source : Code of Practice for
Programme Accreditation (COPTPA),
2nd Edition,

Dokumen ini mendefinisikan *TVET sebagai proses pendidikan dan latihan yang mempunyai haluan pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri. TVET bertujuan melahirkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang berkaitan bagi mencapai objektif sosioekonomi negara.

Berdasarkan definisi di atas, skop TVET seharusnya:

1. berdasarkan standard pekerjaan/ industri yang diiktiraf;
2. mengandungi 50-70 peratus komponen praktikal berdasarkan tahap program;
3. penekanan kepada elemen psikomotor dan kemahiran kerja;
4. menerapkan pendedahan industri (Level 1-2, MQF);
5. menerapkan komponen Latihan industri (Level 3-6, MQF); dan
6. menerapkan projek berasaskan kerja dan/ atau industri.

*This Document defines *TVET as an education and training process that has occupational direction with a major emphasis on industry practices. It aims to produce competent workforce in related fields for the achievement of socio and economic objectives of the country.*

Based on the above definition, the scope of TVET should:

1. *be based on recognised occupational/industry standards;*
2. *contain 50% - 70% practical component subject to level of programme;*
3. *emphasise on psychomotor and work skills;*
4. *include industrial exposure (Level 1–2, MQF);*
5. *include industrial training component (Level 3–6, MQF); and*
6. *include work-based or/and industry-related project(s).*

SINGKATAN PERKATAAN

ABBREVIATIONS

IPT / HEIs	Institusi Pendidikan Tinggi / Higher Education Institutions
UA	Universiti Awam / Public Universities
IPTS / Private HEIs	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta / Private Higher Education Institution
LIM	Lelaki / Male
PIF	Perempuan / Female
JIT	Jumlah / Total
Ph.D	Doktor Falsafah / Doctor of Philosophy
OKU	Orang Kurang Upaya / Disabilities
MTUN	Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia / Malaysian Technical University Network
ILKA / PSTI	Institusi Latihan Kemahiran Awam / Public Skills Training Institutions
ILKAP / APSTI	Institusi Latihan Kemahiran Awam Pertanian / Agricultural Public Skills Training Institutions
ILKBS / YSSTI	Institusi Latihan Kementerian Belia Sukan / Youth Skills and Sports Training Institutions
METrO	Maximizing Education and Training Opportunities
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi / Ministry of Higher Education
JPT	Jabatan Pendidikan Tinggi / Department of Higher Education
KESUMA	Kementerian Sumber Manusia / Ministry of Human Resources
KBS	Kementerian Belia dan Sukan / Ministry of Youth and Sports
KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan / Ministry of Agriculture and Food Security
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia / Ministry Of Tourism, Arts and Culture
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah / Ministry Of Rural and Regional Development
KKR	Kementerian Kerja Raya / Ministry of Works

SINGKATAN PERKATAAN

ABBREVIATIONS

UM	Universiti Malaya / <i>University of Malaya</i>
USM	Universiti Sains Malaysia / <i>University of Science Malaysia</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia / <i>National University of Malaysia</i>
UPM	Universiti Putra Malaysia / <i>University of Putra Malaysia</i>
UTM	Universiti Teknologi Malaysia / <i>University of Technology Malaysia</i>
UUM	Universiti Utara Malaysia / <i>Northern University of Malaysia</i>
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia / <i>International Islamic University Malaysia</i>
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak / <i>University of Malaysia Sarawak</i>
UMS	Universiti Malaysia Sabah / <i>University of Malaysia Sabah</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris / <i>Sultan Idris Education University</i>
UiTM	Universiti Teknologi MARA / <i>MARA University of Technology</i>
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin / <i>Sultan Zainal Abidin University</i>
UMT	Universiti Malaysia Terengganu / <i>University of Malaysia Terengganu</i>
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia / <i>Islamic Science University of Malaysia</i>
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia / <i>Tun Hussein Onn University of Malaysia</i>
UTeM	Universiti Teknikal Malaysia Melaka / <i>Technical University of Malaysia Malacca</i>
UMPSA	Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah / <i>University of Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah</i>
UNIMAP	Universiti Malaysia Perlis / <i>University of Malaysia Perlis</i>
UMK	Universiti Malaysia Kelantan / <i>University of Malaysia Kelantan</i>
UPNM	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia / <i>National Defence University of Malaysia</i>

SUMBER SOURCES

Universiti Awam (UA) <i>Public Universities</i>	Sistem Analitik Maklumat KPT berkaitan IPTA (MyMoheS), Bahagian Perancangan Strategik, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) <i>MoHE's Information Analytic System for Public HEIs (MyMoheS), Strategic Planning Division, Ministry of Higher Education (MOHE)</i>
Politeknik <i>Politechnics</i>	
Kolej Komuniti <i>Community Colleges</i>	
Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) <i>Private Higher Education institutions</i>	Bahagian Standard Swasta, Jabatan Pendidikan Tinggi, KPT <i>Private Standard Division, Department of Higher Education, MOHE</i>
Pelajar Malaysia di Luar Negara <i>Malaysian Students Studying Abroad</i>	Bahagian Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi, KPT <i>Internationalisation of Higher Education Division, MOHE</i>
Kajian Pengesanan Graduan <i>Graduates Tracer Study</i>	Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG), <i>Graduates Tracer Study System, MOHE</i>